

## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN FELO PENYELIDIK DAN FELO PENYELIDIK BERSEKUTU UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

### **1. Latar Belakang**

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk melantik dan mengurus Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu.

### **2. Definisi**

#### **a. Felo Penyelidik**

Merupakan penyelidik yang dilantik dikalangan ahli akademik dari semua JPSIU UMS.

#### **b. Felo Penyelidik Bersekutu**

Merupakan penyelidik yang dilantik dikalangan ahli akademik dan tenaga pakar dari luar UMS.

### **3. Pelantikan**

- a. Permohonan untuk melantik Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu boleh dilakukan menggunakan borang seperti lampiran 1.
- b. Proses dan carta alir pengurusan permohonan pelantikan Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu adalah seperti lampiran 2 dan 3.
- c. Pegawai melantik Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu adalah seperti dalam jadual di bawah;

<b>Kategori</b>	<b>Pegawai Melantik</b>
Felo Penyelidik	Timbalan Naib Canselor (P & I). <i>Nota : Salinan surat lantikan kepada Pendaftar</i>
Felo Penyelidik Bersekutu	Timbalan Naib Canselor (P & I) <i>Nota : Salinan surat lantikan kepada Pendaftar</i>

- d. Tempoh lantikan Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu adalah di antara 1-3 tahun tertakluk kepada persetujuan oleh kedua-dua pihak.

## 4. Kelayakan Calon

### 4.1 Felo Penyelidik

- a. Calon hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik UMS .
- b. Calon hendaklah mempunyai kepakaran dalam bidang tujuan sesuatu Pusat Kecemerlangan.
- c. Calon hendaklah telah terlibat secara langsung di Sekolah/Institut asalnya dengan projek penyelidikan yang berkaitan bidang tujuan penyelidikan Pusat Kecemerlangan dimana ianya dilantik.

### 4.2 Felo Penyelidik Bersekutu

- a. Calon hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik dari mana-mana organisasi dari dalam dan luar Negara atau mana-mana individu yang difikirkan sesuai oleh universiti bagi tujuan lantikan ini.
- b. Calon hendaklah mempunyai kepakaran dalam bidang tujuan sesuatu Pusat Kecemerlangan.
- c. Calon hendaklah telah terlibat secara langsung di Sekolah/Institut asalnya dengan projek penyelidikan yang berkaitan bidang tujuan penyelidikan Pusat Kecemerlangan dimana ianya dilantik.

## 5. Tugas

Tugas utama Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu adalah seperti berikut;

- a. Menjalankan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing dan bidang keutamaan sesuatu Pusat Kecemerlangan
- b. Menerbitkan dan membentangkan hasil penyelidikan
- c. Membantu menyelia pelajar pascasiswazah jika diperlukan
- d. Membantu meningkatkan jaringan kerjasama Pusat Kecemerlangan sama ada diperingkat kebangsaan dan antarabangsa

## 6. Kemudahan dan Syarat-Syarat Lantikan

### a. Felo Penyelidik

- i. Lantikan Felo Penyelidik tidak disertai dengan apa-apa imbuhan kewangan
- ii. Felo Penyelidik boleh menggunakan kemudahan makmal dimana beliau dilantik. Walau bagaimanapun keperluan bahan-bahan pakai habis perlu dibiayai menggunakan geran penyelidikan masing-masing
- iii. Keperluan kos menjalankan penyelidikan termasuk perbelanjaan kerja lapangan adalah dibawah tanggungan Felo Penyelidik yang dilantik
- iv. Felo Penyelidik adalah terikat dengan semua peraturan Universiti

**b. Felo Penyelidik Bersekutu**

- i. Lantikan Felo Penyelidik Bersekutu tidak disertai dengan apa-apa imbuhan kewangan. Universiti, bagaimanapun boleh mempertimbangkan suatu bentuk elaua sara hidup berdasarkan merit pemohon
- ii. Felo Penyelidik Bersekutu boleh menggunakan kemudahan makmal dimana beliau dilantik. Walau bagaimanapun keperluan bahan-bahan pakai habis perlu dibiayai menggunakan geran penyelidikan masing-masing.
- iii. Keperluan kos menjalankan penyelidikan termasuk perbelanjaan kerja lapangan adalah dibawah tanggungan Felo Penyelidik Bersekutu yang dilantik
- iv. Felo Penyelidik Bersekutu akan diberi kemudahan pejabat seperti mana lain-lain kakitangan UMS
- v. Layak menerima kemudahan perubatan seperti yang dinikmati oleh lain-lain kakitangan UMS semasa menjalankan tugas di UMS.
- vi. Felo Penyelidik Bersekutu adalah terikat dengan semua peraturan Universiti
- vii. Felo Penyelidik Bersekutu adalah bertanggungjawab kepada Dekan/Pengarah dimana beliau dilantik

**7. Penamatan Lantikan**

- a. Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu yang telah dilantik boleh menarik diri dengan syarat beliau terlebih dahulu memberi notis sekurang-kurangnya satu bulan dari tarikh menamatkan lantikan.
- b. Universiti boleh menamatkan lantikan Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu pada bila-bila masa dengan memberi sebulan notis secara bertulis.
- c. Universiti boleh mengenakan suatu penalti terhadap Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu jika didapati cuai dalam menjalankan tugas dan aktiviti yang ditetapkan.